

**Pelan Pembangunan Pendidikan Perlu Diterjemahkan Dengan Program Kerja Realistik - Raja Nazrin**  
**Bernamea**  
**22 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah berharap penggubalan terakhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berupaya diterjemahkan dengan program kerja yang realistik, mudah dihayati dan benar-benar memberi impak.

Baginda bertitah pelan itu perlu relevan dengan keperluan semasa dan tidak bersifat bermusim.

"Adalah penting untuk setiap perancangan pendidikan memiliki sifat toleransi, terus membenarkan berlakunya evolusi secara berterusan - secara berkesinambungan.

"Rancangan pendidikan yang agung perlu mengizinkan berlakunya budaya penerokaan - budaya memenuhi pengisian minda, tanpa noktah - tanpa perhentian, selaras dengan falsafah dan sifat ilmu," titah baginda semasa merasmikan Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pengetua Cemerlang Malaysia 2012 di sini Isnin.

Raja Nazrin bertitah program pendidikan hendaklah berfungsi sebagai lebuhraya yang membolehkan insan sampai ke puncak pencapaian pada tahap kelajuan yang tidak dihalang oleh pelbagai sekatan.

Baginda bertitah kejayaan atau kegagalan pelan itu amat bergantung kepada tenaga pengetua, guru besar dan guru di sekolah dan oleh itu, amatlah kritikal untuk kumpulan paling penting ini diberikan fokus.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704005>